

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**<https://gaexcellence.com/ijepe>**KERANGKA PEDAGOGI PENGURUSAN HARTA PUSAKA
DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH***A PEDAGOGICAL FRAMEWORK FOR INHERITANCE MANAGEMENT IN
ISLAMIC EDUCATION AT SECONDARY SCHOOLS*

Nur A'tiqah Muzakir^{1*}, Muhamad Zuhaili Saiman², Faridah Mohd Sairi³, Norhapizah Mohd Burhan⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus, Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

✉ atiqahmuzakir@uitm.edu.my

iD <https://orcid.org/0009-0005-9354-5310>

²Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Selangor, Kampus Dengkil 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia.

✉ mdzuhaili@uitm.edu.my

iD <https://orcid.org/0000-0002-6873-4145>

³Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Selangor, Kampus Dengkil 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia.

✉ faridah0052@uitm.edu.my

iD <https://orcid.org/0000-0002-0630-0739>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Jengka, Malaysia

✉ izahuiaum@uitm.edu.my

iD <https://orcid.org/0000-0002-3475-2847>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.07.2026

Revised date: 30.07.2026

Accepted date: 20.08.2026

Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Pengajaran pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah lazimnya menumpukan kepada penguasaan hukum semata-mata, sedangkan aspek penghayatan peranan waris dalam kehidupan sebenar masih kurang diberikan perhatian secara sistematik. Keadaan ini berpotensi mewujudkan jurang antara kefahaman hukum syariah dengan penghayatan amanah dan tanggungjawab sebagai waris menurut syariah. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, isu harta pusaka beku, pertikaian waris dan peningkatan harta tidak dituntut memperlihatkan keperluan kepada pendekatan pedagogi yang lebih holistik, kontekstual dan berorientasikan kehidupan sebenar. Kajian ini bertujuan mencadangkan satu kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam berasaskan penghayatan peranan waris di sekolah menengah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif

To cite this document:

Muzakir, N. A., Saiman, M. Z., Sairi, F. M., & Burhan, N. M. (2026). Kerangka Pedagogi Pengurusan Harta Pusaka Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(64), 1045-1059.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164054

menerusi kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen terhadap kurikulum Pendidikan Islam, literatur pedagogi dan penulisan berkaitan pengurusan harta pusaka. Perbincangan turut mengaplikasikan Model 5 Mim sebagai asas pedagogi Pendidikan Islam dalam memperkukuh peranan guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing penghayatan nilai, adab dan pembentukan insan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang terlalu berorientasikan hukum dan berpusatkan guru berpotensi menghadkan penghayatan pelajar terhadap peranan dan amanah sebagai waris. Oleh itu, kajian ini mencadangkan satu kerangka pedagogi yang mengintegrasikan pembelajaran kontekstual, reflektif dan interaktif bagi memperkukuh penghayatan peranan waris serta aplikasi nilai syariah dalam kehidupan sebenar. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan pedagogi Pendidikan Islam yang lebih holistik dalam membentuk masyarakat Islam yang beramanah, bertanggungjawab dan sejahtera.

Kata Kunci:

Model 5 Mim, Pedagogi, Pendidikan Islam, Penghayatan Peranan Waris, Pengurusan Harta Pusaka

Abstract:

The teaching of Islamic inheritance management in secondary school Islamic Education commonly emphasises legal rulings and theoretical understanding, while the internalisation of heirship roles in real-life contexts receives limited systematic attention. This situation potentially creates a gap between students' understanding of Shariah principles and their appreciation of the trust and responsibilities of heirs according to Islamic teachings. In the Malaysian Muslim context, issues such as frozen inheritance, inheritance disputes, and increasing unclaimed estates indicate the need for a more holistic, contextual, and life-oriented pedagogical approach. This study aims to propose a pedagogical framework for Islamic inheritance education based on the internalisation of heirship roles within secondary school Islamic Education. The study employs a qualitative design through library research and document analysis involving Islamic Education curriculum documents, pedagogical literature, and studies related to inheritance management. The discussion also applies the 5 Mim Model as an Islamic pedagogical foundation to strengthen the role of teachers not merely as transmitters of knowledge, but also as facilitators of value internalisation, moral formation, and holistic human development. The findings indicate that overly legalistic and teacher-centred instructional approaches may limit students' appreciation of their roles and trust as heirs. Hence, this study proposes a pedagogical framework that integrates contextual, reflective, and interactive learning to strengthen the internalisation of heirship roles and the application of Shariah values in real-life situations. This study contributes to strengthening a more holistic Islamic Education pedagogy in developing trustworthy, responsible, and harmonious Muslim communities.

Keyword:

Inheritance Management, Internalisation of Heirship Roles, Islamic Education, 5 Mim Model, Pedagogy



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution,

Pengenalan

Pengurusan harta pusaka merupakan antara aspek penting dalam kehidupan masyarakat Islam kerana melibatkan pemeliharaan hak, kelangsungan hubungan kekeluargaan serta pelaksanaan amanah menurut syariah. Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas berkaitan pembahagian harta pusaka melalui hukum faraid bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dalam kalangan waris. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam di Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan pengurusan harta pusaka seperti harta pusaka beku, pertikaian waris, kelewatan tuntutan serta peningkatan jumlah harta tidak dituntut (Mahad Musa, 2018). Keadaan ini bukan sahaja memberi implikasi terhadap institusi keluarga, malah turut memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat (Nik Wajis et al., 2018; Roslan & Ahmad, 2022; Saiman & Romeyzee, 2024).

Peningkatan kes harta pusaka beku dan pertikaian waris bukan sekadar berpunca daripada kelemahan aspek pentadbiran, tetapi turut dipengaruhi oleh kurangnya kesedaran, kelewatan tindakan waris dan konflik dalam kalangan ahli keluarga (Nadzari, 2025; Abdul Malek, 2022). Kajian berkaitan pengurusan pusaka mendapati bahawa sikap waris yang melengah-lengahkan urusan pembahagian harta, bersikap tamak serta kurang bertolak ansur menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya pusaka berlapis dan peningkatan harta tidak dituntut dalam masyarakat Islam (Ghazali et al., 2023; Ismail et al., 2024). Selain itu, terdapat waris yang kurang memahami amanah serta tanggungjawab syarie dalam melaksanakan pengurusan harta selepas kematian (Saiman & Romeyzee, 2024; Ismail et al., 2024).

Dalam konteks pendidikan, isu tersebut memperlihatkan keperluan kepada pendekatan pendidikan yang bukan sahaja menekankan kefahaman hukum, tetapi turut membentuk penghayatan amanah dan tanggungjawab sebagai waris menurut syariah. Pendidikan di peringkat sekolah menengah berpotensi menjadi medium awal dalam membentuk kefahaman dan kesedaran pelajar berkaitan pengurusan harta pusaka menurut syariah. Topik pengurusan harta selepas kematian telah dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah sebagai usaha memberikan pendedahan awal kepada pelajar mengenai hukum dan tatacara pengurusan harta pusaka (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Laporan FINCO (2023) menunjukkan bahawa majoriti pelajar di Malaysia melanjutkan pengajian ke pelbagai bidang selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, pendedahan formal berkaitan pengurusan harta selepas kematian di peringkat pengajian tinggi lazimnya hanya ditawarkan dalam bidang pengajian Islam atau bidang berkaitan (Sulong & Ismail, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar akan memperoleh pendidikan formal berkaitan pengurusan harta pusaka selepas meninggalkan sekolah menengah. Oleh itu, Pendidikan Islam di sekolah menengah dilihat sebagai ruang yang signifikan dan inklusif dalam membina kefahaman awal, kesedaran serta penghayatan tanggungjawab sebagai waris sebelum pelajar memasuki alam pengajian tinggi atau alam pekerjaan (Tamuri, 2015).

Dalam tradisi Pendidikan Islam, proses pengajaran tidak terhad kepada penyampaian ilmu semata-mata, tetapi turut menekankan pembentukan akhlak, penghayatan nilai dan pembangunan insan secara holistik. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mencadangkan satu kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam sekolah menengah berasaskan penghayatan peranan waris. Kajian ini turut mengaplikasikan Model 5 Mim sebagai asas pedagogi Pendidikan Islam dalam memperkukuh peranan guru sebagai pembimbing penghayatan nilai dan pembentukan insan (Wan Abdullah et al., 2021; Tamuri, 2021).

Pernyataan Masalah

Pendekatan pengajaran dalam Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman, penghayatan nilai dan aplikasi ilmu dalam kehidupan pelajar. Dalam konteks pengajaran pengurusan harta pusaka, pendekatan pedagogi yang digunakan bukan sahaja mempengaruhi penguasaan hukum, malah turut mempengaruhi kesedaran dan penghayatan pelajar terhadap amanah serta tanggungjawab sebagai waris menurut syariah.

Walaupun topik pengurusan harta selepas kematian telah dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020), pendekatan pengajaran yang diamalkan masih cenderung berorientasikan kandungan dan penguasaan hukum berbanding pembentukan penghayatan nilai dan aplikasi kehidupan sebenar (Alfusanah, 2023; Wildani, 2024). Pengajaran yang terlalu menumpukan penguasaan ilmu dan kandungan hukum semata-mata berpotensi mengehadkan penghayatan nilai serta pembentukan sikap pelajar dalam kehidupan sebenar (Kasmar et al., 2019). Pelajar mungkin memahami konsep faraid secara teori, namun kurang menghayati amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai waris menurut syariah.

Pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat tradisional berpotensi mengehadkan penglibatan aktif pelajar serta kurang memberi ruang kepada aplikasi kehidupan sebenar (Zulkifli et al., 2025; Alfusanah, 2023; Wildani, 2024). Keadaan ini memperlihatkan bahawa penguasaan hukum semata-mata tidak mencukupi tanpa disertai penghayatan amanah dan tanggungjawab sebagai waris menurut syariah. Konflik perebutan harta pusaka yang masih berlaku dalam masyarakat turut menunjukkan bahawa kefahaman hukum tidak semestinya diterjemahkan dalam bentuk penghayatan dan pelaksanaan yang baik dalam kehidupan sebenar (Ghazali et al., 2023; Ismail et al., 2024).

Dalam masa yang sama, aspirasi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 menekankan pembelajaran bermakna, penglibatan aktif pelajar, pembelajaran kontekstual, aplikasi nilai serta pembangunan insan secara holistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Zulkifli et al., 2025; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2026). Namun demikian, pendekatan pedagogi pengurusan harta pusaka masih belum memperlihatkan integrasi yang jelas antara penguasaan hukum dengan penghayatan nilai, refleksi diri serta aplikasi kehidupan sebenar.

Selain itu, pedagogi Pendidikan Islam berasaskan Model 5 Mim menekankan peranan guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai murabbi, muaddib dan pembimbing penghayatan nilai dalam pembentukan insan (Wan Abdullah et al., 2021; Tamuri, 2021). Walau bagaimanapun, elemen tersebut masih kurang diketengahkan secara khusus dalam pedagogi pengajaran pengurusan harta pusaka di sekolah menengah.

Oleh itu, terdapat jurang antara aspirasi kurikulum Pendidikan Islam yang menekankan penghayatan nilai dengan pelaksanaan pedagogi pengurusan harta pusaka yang masih cenderung menekankan penguasaan hukum berbanding penghayatan nilai dan aplikasi kehidupan sebenar. Sehingga kini, masih kurang perbincangan yang secara khusus mencadangkan kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka berasaskan penghayatan peranan waris dalam konteks Pendidikan Islam sekolah menengah. Justeru, kajian ini bertujuan mencadangkan satu kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka berasaskan penghayatan peranan waris dalam Pendidikan Islam sekolah menengah.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini membincangkan beberapa aspek utama yang berkaitan dengan kajian iaitu isu pengurusan harta pusaka dalam masyarakat Islam, pedagogi Pendidikan Islam, pedagogi pengajaran fiqh serta kurikulum Pendidikan Islam dan pembelajaran bermakna. Perbincangan ini penting bagi mengenal pasti keperluan pembentukan kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka berasaskan penghayatan peranan waris dalam Pendidikan Islam sekolah menengah.

Isu Pengurusan Harta Pusaka Dalam Masyarakat Islam

Isu berkaitan harta pusaka dalam masyarakat Islam di Malaysia masih menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Pelbagai kajian melaporkan bahawa jumlah harta pusaka beku dan harta tidak dituntut terus meningkat serta memberi implikasi terhadap pembangunan ekonomi, hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat Islam (Nik Wajis et al., 2018; Roslan & Ahmad, 2022; Nadzari, 2025). Situasi ini menunjukkan bahawa pengurusan harta pusaka bukan sekadar isu pentadbiran, malah melibatkan aspek kesedaran, tanggungjawab dan penghayatan waris terhadap amanah syarie.

Kajian Ghazali et al. (2023) dan Ismail et al. (2024) mendapati bahawa antara faktor utama yang menyumbang kepada pertikaian harta pusaka ialah sikap waris yang melengah-lengahkan urusan pembahagian harta, kurang toleransi dan konflik dalam institusi keluarga. Selain itu, Saiman dan Romeyze (2024) turut menjelaskan bahawa masyarakat masih kurang memahami tanggungjawab dalam pengurusan harta selepas kematian sehingga menyebabkan peningkatan harta tidak dituntut dalam kalangan masyarakat Islam.

Keadaan ini memperlihatkan bahawa kefahaman hukum faraid sahaja tidak mencukupi tanpa disertai penghayatan amanah dan tanggungjawab sebagai waris. Oleh itu, pendekatan pendidikan yang lebih holistik dan berorientasikan kehidupan sebenar diperlukan bagi membentuk kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta pusaka menurut syariah.

Pedagogi Pendidikan Islam Dan Penghayatan Nilai

Dalam tradisi Pendidikan Islam, proses pendidikan tidak terhad kepada penyampaian ilmu semata-mata, tetapi turut menekankan pembentukan akhlak, penghayatan nilai dan pembangunan insan secara menyeluruh (Tamuri, 2015). Pendekatan pedagogi Pendidikan Islam menekankan keseimbangan antara aspek ilmu, amalan dan penghayatan dalam kehidupan pelajar.

Konsep Model 5 Mim turut memperkuat peranan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing pembangunan insan. Wan Abdullah et al. (2021) menjelaskan bahawa konsep 5 Mim merangkumi peranan guru sebagai mudarris, mu'allim, murabbi, mursyid dan muaddib dalam membentuk pelajar secara holistik. Selaras dengan itu, Tamuri (2021) menegaskan bahawa guru Pendidikan Islam bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai kandungan ilmu, tetapi turut bertanggungjawab membimbing penghayatan nilai, pembentukan sahsiah dan pembangunan rohani pelajar.

Kasmar et al. (2019) turut menjelaskan bahawa guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranan dalam membentuk penghayatan nilai dan tingkah laku pelajar, bukan sekadar memberi penekanan terhadap penguasaan ilmu dan aspek teori semata-mata. Oleh itu, pedagogi Pendidikan Islam perlu bergerak melangkaui pendekatan legalistik kepada pendekatan yang lebih berorientasikan pembentukan insan dan penghayatan nilai.

Pedagogi Pengajaran Fiqh Dan Pengurusan Harta Pusaka

Kajian berkaitan pedagogi pengajaran fiqh menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan berorientasikan hafalan hukum berpotensi menghadkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran (Zulkifli et al., 2025). Dalam konteks pengajaran faraid dan pengurusan harta pusaka, pendekatan sedemikian boleh menyebabkan pelajar memahami hukum secara teori tanpa mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar.

Alfusanah (2023) mendapati bahawa penggunaan pendekatan Problem-Based Learning (PBL) mampu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap topik mawaris melalui pembelajaran yang lebih aktif dan berpusatkan pelajar. Begitu juga Wildani (2024) yang menegaskan bahawa penggunaan pendekatan Contextual Teaching and Learning (CTL) membantu pelajar menghubungkan konsep hukum waris dengan situasi kehidupan sebenar. Pendekatan sedemikian turut memberi ruang kepada pelajar untuk membuat refleksi terhadap peranan dan tanggungjawab mereka sebagai waris dalam kehidupan sebenar.

Selain itu, pendekatan pedagogi berasaskan pembelajaran kontekstual, reflektif dan interaktif dilihat lebih selaras dengan aspirasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang menekankan pembelajaran bermakna, aplikasi nilai dan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Oleh itu, pedagogi pengajaran pengurusan harta pusaka perlu disusun secara lebih kontekstual dan berorientasikan penghayatan peranan waris dalam kehidupan sebenar.

Kurikulum Pendidikan Islam dan Pembelajaran Bermakna

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5 menegaskan bahawa Pendidikan Islam bertujuan membentuk murid yang memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara menyeluruh (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Kurikulum ini memberi penekanan terhadap keseimbangan aspek ilmu, amali, penghayatan dan pembudayaan dalam kehidupan pelajar.

Dalam konteks tersebut, topik pengurusan harta selepas kematian telah dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 5 sebagai usaha memberikan pendedahan awal kepada pelajar berkaitan pengurusan harta menurut syariah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Walau bagaimanapun, keberkesanan pengajaran topik tersebut bergantung kepada pendekatan pedagogi yang digunakan oleh guru dalam menghubungkan kefahaman hukum dengan aplikasi kehidupan sebenar pelajar.

Selain itu, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) menekankan pembelajaran berpusatkan murid yang mengintegrasikan komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta penerapan nilai dan etika dalam proses pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Aspirasi ini selari dengan konsep pembelajaran bermakna yang menekankan penghubungan ilmu dengan pengalaman dan realiti kehidupan pelajar.

Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 turut menegaskan bahawa pendidikan tidak seharusnya berorientasikan pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya perlu memberi perhatian terhadap pembangunan karakter, penghayatan nilai dan pembentukan insan secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2026). Oleh itu, kajian ini berpandangan bahawa pengajaran pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih kontekstual, reflektif dan berorientasikan penghayatan nilai dalam kehidupan sebenar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif menerusi kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Perbincangan kajian bersifat konseptual dengan memfokuskan pembentukan kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah.

Data kajian diperoleh daripada sumber sekunder melalui analisis dokumen terhadap Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5, buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 5, dasar pendidikan semasa, penulisan berkaitan pedagogi Pendidikan Islam, pedagogi pengajaran fiqh serta kajian berkaitan pengurusan harta pusaka Islam. Antara dokumen utama yang dianalisis termasuklah DSKP Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018), Pembelajaran Abad Ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) dan Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2026).

Data dianalisis secara deskriptif dan tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan isu pedagogi, penghayatan nilai, pendekatan pengajaran serta elemen-elemen yang sesuai diintegrasikan dalam kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka. Perbincangan kajian turut mengaplikasikan Model 5 Mim sebagai asas dalam memperkukuh peranan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing penghayatan nilai dan pembentukan insan.

Dapatan dan Perbincangan

Keperluan Pendekatan Pedagogi Yang Lebih Holistik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam masih cenderung menumpukan aspek penguasaan hukum dan kandungan teori berbanding penghayatan nilai serta aplikasi kehidupan sebenar. Pendekatan sedemikian berpotensi menyebabkan pelajar memahami konsep faraid secara hafalan tanpa benar-benar menghayati amanah dan tanggungjawab sebagai waris menurut syariah (Alfusanah, 2023;

Wildani, 2024). Situasi ini selari dengan pandangan Kasmar et al. (2019) yang menegaskan bahawa Pendidikan Islam tidak seharusnya tertumpu kepada aspek pengetahuan semata-mata, sebaliknya perlu memberi perhatian terhadap pembentukan nilai, sahsiah dan tingkah laku pelajar secara menyeluruh.

Selain itu, pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat tradisional turut berpotensi menghadkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran (Zulkifli et al., 2025). Dalam konteks pengurusan harta pusaka, pendekatan sedemikian boleh menyebabkan pelajar kurang berpeluang memahami realiti sebenar konflik waris, amanah pengurusan harta serta implikasi sosial yang berlaku akibat kelewatan atau kegagalan pengurusan harta pusaka dalam masyarakat Islam.

Keadaan ini memperlihatkan bahawa pengajaran pengurusan harta pusaka memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih holistik dan bermakna. Pendidikan Islam tidak seharusnya hanya menumpukan penguasaan ilmu hukum semata-mata, tetapi turut membentuk kefahaman, penghayatan dan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab mereka sebagai waris dalam kehidupan sebenar (Tamuri, 2015).

Penghayatan Peranan Waris Dalam Pendidikan Islam

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa elemen penghayatan peranan waris masih kurang diberikan penekanan secara khusus dalam pengajaran pengurusan harta pusaka di sekolah menengah. Sedangkan pelbagai kajian berkaitan pengurusan harta pusaka menunjukkan bahawa konflik perebutan harta, kelewatan tuntutan dan peningkatan harta pusaka tidak dituntut sering berpunca daripada kurangnya kesedaran, penghayatan amanah dan tanggungjawab dalam kalangan waris (Nik Wajis et al., 2018; Ghazali et al., 2023; Ismail et al., 2024).

Dalam konteks Pendidikan Islam, penghayatan peranan waris penting bagi membantu pelajar memahami bahawa pengurusan harta pusaka bukan sekadar proses pembahagian harta, tetapi turut melibatkan aspek amanah, keadilan, toleransi dan tanggungjawab kekeluargaan menurut syariah. Oleh itu, pengajaran yang hanya menumpukan pengiraan faraid dan pembahagian harta tanpa menghubungkannya dengan nilai dan realiti kehidupan sebenar berpotensi menghadkan kefahaman pelajar terhadap hikmah pelaksanaan hukum tersebut.

Selain itu, penghayatan peranan waris juga selari dengan aspirasi Pendidikan Islam yang menekankan pembentukan insan seimbang dari aspek ilmu, amalan dan akhlak (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Dalam hal ini, pendidikan di peringkat sekolah menengah berpotensi menjadi medium awal dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap amanah dan tanggungjawab pengurusan harta pusaka sebelum mereka memasuki alam dewasa dan berhadapan dengan situasi sebenar dalam keluarga.

Integrasi Pedagogi Kontekstual, Reflektif dan Interaktif

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan pedagogi berasaskan pembelajaran kontekstual, reflektif dan interaktif lebih berpotensi membantu pelajar menghubungkan ilmu faraid dengan kehidupan sebenar. Pendekatan seperti Problem-Based Learning (PBL), Contextual Teaching and Learning (CTL), simulasi kes serta perbincangan konflik waris membolehkan pelajar

memahami aplikasi hukum secara lebih bermakna dan kontekstual (Alfusanah, 2023; Wildani, 2024).

Pendekatan sedemikian bukan sahaja meningkatkan penglibatan aktif pelajar, malah memberi ruang kepada mereka untuk membuat refleksi terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai waris dalam kehidupan sebenar. Dalam masa yang sama, pembelajaran yang bersifat interaktif dan kolaboratif juga selari dengan aspirasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang menekankan komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan aplikasi nilai dalam proses pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Di samping itu, pembelajaran reflektif membantu pelajar memahami implikasi sosial dan kekeluargaan yang boleh berlaku akibat pengurusan harta pusaka yang tidak dilaksanakan dengan baik. Pendekatan ini juga berpotensi membentuk empati, toleransi dan kesedaran pelajar terhadap kepentingan menjaga hubungan kekeluargaan serta melaksanakan amanah menurut syariah.

Peranan Model 5 Mim Dalam Pengajaran Pengurusan Harta Pusaka

Perbincangan kajian menunjukkan bahawa Model 5 Mim mempunyai potensi yang signifikan dalam memperkukuh pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam sekolah menengah. Model ini menekankan bahawa guru Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan sebagai mudarris yang menyampaikan ilmu, tetapi turut berfungsi sebagai mu'allim, murabbi, mursyid dan muaddib dalam membentuk pembangunan insan secara holistik (Wan Abdullah et al., 2021; Tamuri, 2021).

Dalam konteks pengajaran pengurusan harta pusaka, peranan guru sebagai murabbi dan muaddib amat penting dalam membimbing penghayatan nilai amanah, keadilan dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Guru bukan sahaja menjelaskan hukum faraid, tetapi turut membantu pelajar memahami hikmah pelaksanaan hukum tersebut dalam menjaga keharmonian keluarga dan kesejahteraan masyarakat Islam.

Selain itu, peranan guru sebagai mursyid juga penting dalam membimbing refleksi dan kesedaran pelajar terhadap implikasi sosial serta moral yang berkaitan dengan pengurusan harta pusaka. Pendekatan ini selari dengan falsafah Pendidikan Islam yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan akhlak (Tamuri, 2015).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam memerlukan pendekatan yang lebih holistik, kontekstual dan berorientasikan penghayatan nilai. Integrasi pendekatan pedagogi interaktif bersama Model 5 Mim dilihat berpotensi memperkukuh kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap peranan mereka sebagai waris menurut syariah.

Cadangan Kerangka Pedagogi Pengurusan Harta Pusaka

Kajian ini mencadangkan satu kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam sekolah menengah berasaskan penghayatan peranan waris. Kerangka ini dibina dengan mengambil kira keperluan kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 5, aspirasi Pembelajaran

Abad Ke-21 (PAK21), pendekatan pedagogi Pendidikan Islam serta isu pengurusan harta pusaka dalam masyarakat Islam semasa.

Kerangka ini menekankan bahawa pengajaran pengurusan harta selepas kematian tidak seharusnya tertumpu kepada penguasaan hukum semata-mata, tetapi perlu mengintegrasikan aspek penghayatan nilai, refleksi diri dan aplikasi kehidupan sebenar. Dalam konteks ini, penghayatan peranan waris dijadikan sebagai teras utama dalam membentuk kefahaman pelajar terhadap amanah dan tanggungjawab menurut syariah.

Penguasaan Hukum dan Pengetahuan

Komponen pertama kerangka ini memberi penekanan terhadap penguasaan asas hukum dan pengetahuan berkaitan pengurusan harta selepas kematian berdasarkan kandungan kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 5. Antara aspek utama yang diberi perhatian termasuklah konsep faraid, wasiat, hak waris, pembahagian harta pusaka serta tatacara asas pengurusan harta selepas kematian menurut syariah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Walau bagaimanapun, penguasaan hukum dalam kerangka ini tidak hanya tertumpu kepada aspek hafalan dan pengiraan semata-mata, tetapi turut menekankan kefahaman terhadap hikmah pensyariaan faraid dan wasiat dalam menjaga keadilan, keharmonian keluarga dan kesejahteraan masyarakat Islam.

Penghayatan Nilai dan Peranan Waris

Komponen kedua memberi penekanan terhadap pembentukan penghayatan nilai dan kesedaran pelajar terhadap peranan mereka sebagai waris menurut syariah. Dalam konteks ini, elemen seperti amanah, tanggungjawab, keadilan, toleransi dan penjagaan hubungan kekeluargaan perlu diintegrasikan secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pendekatan ini penting kerana pelbagai isu berkaitan harta pusaka dalam masyarakat Islam seperti pertikaian waris, kelewatan tuntutan dan harta pusaka tidak dituntut sering berpunca daripada kurangnya penghayatan amanah dan tanggungjawab dalam kalangan waris (Ghazali et al., 2023; Ismail et al., 2024). Oleh itu, pengajaran pengurusan harta pusaka perlu membantu pelajar memahami bahawa pelaksanaan hukum faraid bukan sekadar melibatkan pembahagian harta, tetapi turut berkait dengan pembentukan akhlak dan tanggungjawab sosial dalam keluarga.

Pendekatan Pedagogi Kontekstual, Reflektif dan Interaktif

Komponen ketiga menekankan penggunaan pendekatan pedagogi yang lebih kontekstual, reflektif dan interaktif dalam pengajaran pengurusan harta pusaka. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang menekankan pembelajaran bermakna, penglibatan aktif pelajar dan aplikasi ilmu dalam kehidupan sebenar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Antara pendekatan yang boleh diaplikasikan termasuklah pembelajaran berasaskan masalah (Problem-Based Learning), pembelajaran kontekstual (Contextual Teaching and Learning), simulasi konflik waris, perbincangan kes dan aktiviti reflektif. Pendekatan sedemikian dapat

membantu pelajar menghubungkan konsep faraid dan wasiat dengan realiti kehidupan sebenar serta memberi ruang kepada mereka untuk membuat refleksi terhadap tanggungjawab sebagai waris (Alfusanah, 2023; Wildani, 2024).

Selain itu, pendekatan pedagogi yang bersifat interaktif turut berpotensi meningkatkan penglibatan aktif pelajar dan membantu mereka memahami implikasi sosial, kekeluargaan dan moral yang berkaitan dengan pengurusan harta pusaka dalam masyarakat Islam.

Peranan Guru Berasaskan Model 5 Mim

Komponen keempat dalam kerangka ini ialah peranan guru Pendidikan Islam berasaskan Model 5 Mim. Model ini menekankan bahawa guru bukan sahaja berfungsi sebagai mudarris yang menyampaikan ilmu, tetapi turut berperanan sebagai mu'allim, murabbi, mursyid dan muaddib dalam membentuk pembangunan insan secara holistik (Wan Abdullah et al., 2021; Tamuri, 2021).

Dalam konteks pengajaran pengurusan harta pusaka, guru berperanan membimbing pelajar memahami hikmah hukum faraid dan wasiat serta menghayati nilai amanah, keadilan dan tanggungjawab sebagai waris. Guru juga berfungsi sebagai pembimbing refleksi yang membantu pelajar menghubungkan ilmu yang dipelajari dengan realiti kehidupan keluarga dan masyarakat.

Pendekatan ini selari dengan falsafah Pendidikan Islam yang menekankan pembentukan insan seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan akhlak (Tamuri, 2015). Oleh itu, pengajaran pengurusan harta pusaka perlu dilaksanakan secara lebih holistik bagi memastikan pelajar bukan sahaja memahami hukum, tetapi turut mampu menghayati dan mengaplikasikan nilai syariah dalam kehidupan sebenar.



Rajah 1: Kerangka Pedagogi Pengurusan Harta Pusaka dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berteraskan Penghayatan Peranan Waris

Sumber: Dibina Oleh Pengkaji Berdasarkan Analisis Literatur (2026)

Rajah 1 menunjukkan cadangan kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam sekolah menengah yang dibina berasaskan empat komponen utama iaitu penguasaan hukum dan pengetahuan, penghayatan nilai dan peranan waris, pendekatan pedagogi kontekstual serta peranan guru berasaskan Model 5 Mim. Kesemua komponen tersebut saling melengkapi dalam membentuk pelajar yang memahami dan menghayati tanggungjawab sebagai waris menurut syariah.

Kesimpulan

Pengajaran pengurusan harta pusaka dalam Pendidikan Islam sekolah menengah tidak seharusnya tertumpu kepada penguasaan hukum faraid dan wasiat semata-mata, sebaliknya perlu memberi penekanan terhadap penghayatan nilai, amanah dan tanggungjawab sebagai waris menurut syariah. Isu peningkatan harta pusaka tidak dituntut, pertikaian waris dan kelewatan pengurusan harta dalam masyarakat Islam memperlihatkan bahawa kefahaman hukum sahaja tidak mencukupi tanpa disertai penghayatan dan kesedaran dalam kehidupan sebenar.

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan pedagogi yang terlalu berorientasikan kandungan dan berpusatkan guru berpotensi menghadkan penghayatan pelajar terhadap peranan mereka sebagai waris. Oleh itu, kajian ini mencadangkan satu kerangka pedagogi pengurusan harta pusaka berasaskan penghayatan peranan waris yang mengintegrasikan aspek penguasaan

hukum, penghayatan nilai, pedagogi kontekstual serta peranan guru berasaskan Model 5 Mim dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Kerangka yang dicadangkan diharapkan dapat membantu memperkuat pengajaran pengurusan harta pusaka agar lebih bermakna, reflektif dan berorientasikan kehidupan sebenar selaras dengan aspirasi Pendidikan Islam, PAK21 dan pembangunan insan secara holistik. Kajian lanjutan secara empirikal dicadangkan bagi menilai keberkesanan kerangka ini dalam konteks pelaksanaan sebenar di bilik darjah sekolah menengah.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan akademik dan kemudahan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian.
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini seperti pengkonsepkan kajian, metodologi, mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian, menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abdul Malek, N. A. (2022). Isu harta pusaka beku di Malaysia. *Lex Read*, November 2022, 19–22. UiTM Institutional Repository.
- Alfusanah, F. (2023). *Pengaruh model pembelajaran problem based learning (PBL) dengan pendekatan inkuiri terhadap pemahaman materi mawaris peserta didik kelas XI di MAN 1 OKU Timur* (Skripsi Sarjana). Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran pendidikan Islam tingkatan 4 dan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- FINCO. (2023). From classroom to career: Students' post-SPM decision making. A survey on Malaysian students' transition from Form 5. FINCO.
- Ismail, N. A. B., Mohammed Noor, A., & Asni, F. (2024). Analisis isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka di Mahkamah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(38), 96–110. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.938008>
- Kasmar, I. F., Amnda, V., Mutathahirin, Maulida, A., Sari, W. W., Putra, S., Anwar, F., Muhammad Taufan, & Engkizar. (2019). The concepts of mudarris, mu'allim, murabbi, mursyid, muaddib in Islamic education. *Khalifa Journal of Islamic Education*, 3(2), 107–125.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pembelajaran abad ke-21 (PAK21)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Pendidikan Islam Tingkatan 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2026). *Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahad Musa, Z. (2018). Penyelesaian Kes Faraid Berangkai Melalui Pendekatan Al-Munasakhah: Tumpuan Kes Faraid Dalam Mazhab Syafie: [Settlement of The Successive Deaths Through Approach of Al-Munasakhah: A Focus on Faraid Cases in Shafii Sect]. *Ulum Islamiyyah*, 25, 41–53. <https://doi.org/10.33102/uij.vol25no0.135>
- Nadzari, N. N. (2025, July 21). *RM90b harta pusaka tak dituntut ancam ekonomi domestik*. Utusan Malaysia. Utusan Malaysia
- Nik Wajis, N. R., Mutalib, L. B. A., Rahman, A. A., Sahid, M. M., Nik Salleh, N. S. S., Rusli, M. H. M., ... Ahmad, A. S. (2018). *Harta tidak dituntut: Punca dan kaedah penyelesaiannya*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 129–141.
- Roslan, N. F., & Ahmad, A. A. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001453. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>
- Saiman, M. Z., & Romeyze, M. D. F. (2024). *Unclaimed money in Islamic inheritance: A case study at Amanah Raya Berhad*. Sains Insani.
- Sulong, J., & Ismail, Z. (2020). Pengajian ilmu faraid di Malaysia: Kajian penawaran kursus di institusi pengajian tinggi terpilih. *The Online Journal of Islamic Education*, 8(1), 40–50.
- Tamuri, A. H. (2015). Standardization of Islamic education excellence in the world. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2), 109–120.
- Tamuri, A. H. (2021). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berasaskan konsep 5 Mim di sekolah-sekolah menengah agama di Indonesia. *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(1), 1–24.

- Wan Abdullah, W. A. A., Abdul Razak, K., & Hamzah, M. I. (2021). Model guru pendidikan Islam komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal (ACER-J)*, 4(1), 74.
- Wan Abdullah, W. A. A., Mohd Zhaffar, N., Abdul Razak, K., & Hamzah, M. I. (2021). Konsep lima mim: Persepsi pelajar terhadap guru inovatif Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(2), 35–43. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i2.6978>
- Wildani. (2024). *Pengembangan e-modul berbasis contextual teaching and learning (CTL) pada materi ketentuan hukum waris dan wasiat kelas XI di Madrasah Aliyah Negeri 4 Aceh Besar* (Skripsi Sarjana). Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia.
- Zulkifli, M. H., Ramli, I., & Ramlie, H. A. (2025). Perbezaan keberkesanan kaedah PAK-21 dan tradisional dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities (QJSSH)*,